

Jenis Akhbar : Sinar Harian  
Tarikh : 21/08/2023  
Edisi / Muka Surat : Nasional (22)  
Tajuk : ANGKASA Tawar RM52,800 Untuk Kelestarian Alam

22

Sinar  
BESTARI

BULETIN

ISNIN 21 OGOS 2023 • SINAR HARIAN

Oleh AZLEENDA SAHALUDIN

## ANGKASA tawar RM52,800 untuk kelestarian alam

**A**ngkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) menganjurkan pertandingan Penghijauan Malaysia: Koperasi Prihatin Sejuta Pokok Koperasi Sekolah Peringkat Kebangsaan bagi mencapai objektif penanaman sejuta pokok.

Pada masa yang sama, ia dianjurkan bagi memberi pendedahan dan pendidikan melindungi khazanah terutamanya pokok-pokok sejak di bangku sekolah.

Menurut Presiden ANGKASA merangkap Presiden ASEAN Co-operative Organization (ACO) dan Naib Presiden International Co-operative Alliance-Asia Pacific (ICA-AP), Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah, program itu dilaksanakan bagi memberi impak luas dan positif tentang penjagaan alam sekitar di samping meningkatkan kesedaran serta kesungguhan mendepani cabaran mengekalkan kelestarian alam.

"Saya yakin dan percaya koperasi sekolah mampu menyahut cabaran untuk menanam sekurang-kurangnya sebatang pokok.

"Sekiranya kempen 1 Koperasi 1 Pokok menerusi pertandingan ini dilaksanakan oleh anggota koperasi sekolah, maka kita akan dapat mencapai penanaman sejuta pokok tahun ini," katanya ketika merasmikan program berkenaan di Sekolah Berasrama Penuh



Abdul Fattah (empat dari kiri) bersama pokok spesies *Codiaeum Variegatum* sebagai gimik Pelancaran Pertandingan Penghijauan Malaysia: Koperasi Prihatin Sejuta Pokok Koperasi Sekolah Peringkat Kebangsaan di SBPI Gombak, baru-baru ini.

Integrasi (SBPI) Gombak, Selangor, baru-baru ini.

Pertandingan Penghijauan Malaysia: Koperasi Prihatin Sejuta Pokok Koperasi Sekolah adalah satu usaha kolaboratif yang melibatkan pelbagai pihak serta didukung oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi serta agensinya, Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan Institut Koperasi Malaysia.

Usaha ini turut disokong Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim; Kementerian Pendidikan (KPM); Majlis Amanah Rakyat (MARA); Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia; Jabatan Perhutanan Negeri; Universiti Putra Malaysia (UPM); Persatuan Pandu Puteri Malaysia (PPPM); radio IKIM; Majlis Belia Malaysia (MBM) dan Malaysia Forest Fund.

Melalui pertandingan ini juga, ANGKASA menawarkan hadiah wang tunai bernilai RM52,800 serta sijil peringkat kebangsaan dan sijil pencapaian kepada pemenang Jumlah Penanaman Pokok Tertinggi Peringkat Negeri (kategori sekolah), Jumlah Penanaman Pokok Tertinggi Peringkat Kebangsaan (kategori sekolah) dan Jumlah Penanaman Pokok Tertinggi Peringkat Kebangsaan (kategori pelajar).

Pertandingan tersebut telah bermula 15 Jun lalu hingga 15 Oktober depan yang terbuka kepada semua koperasi sekolah ahli ANGKASA seluruh negara selaras definisi yang digariskan oleh agenda Penghijauan Malaysia iaitu semua jenis pokok tumbuhan berkayu yang mempunyai akar, batang, dahan dan daun.

Untuk itu, koperasi sekolah yang berminat boleh memuat turun aplikasi Penghijauan Malaysia secara percuma di Google Playstore, Apple App Store dan Huawei AppGallery untuk mendaftar atau melalui laman sesawang 100jutapokok.gov.my serta borang dalam talian (Google Form).

Untuk maklumat lanjut berkenaan terma dan syarat pertandingan dan pautan e-borang penyertaan, boleh layari laman sesawang [www.sejutapokok.coop](http://www.sejutapokok.coop) atau [www.angkasa.coop](http://www.angkasa.coop) atau Facebook: @SejutaPokok / @ANGKASACoop. 🌱

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia ANGKASA